

LATIHAN SEJARAH TINGKATAN 3 BAB 7 (7.1)

A Padankan sebab penentangan berikut dengan tokoh pemimpin yang terlibat.

Buku Teks: m.s. 172 - 179

TP1

TP2

A	Dol Said	E	Sharif Masahor	H	Mat Sator
B	Yamtuan Antah	F	Tok Janggut	I	Dato' Maharaja Lela
C	Dato' Bahaman	G	Mat Salleh	J	Haji Abdul Rahman Limbong
D	Rentap				

- James Brooke memusnahkan petempatan orang Iban dan menuduh beliau sebagai lanun ☐
- Menentang campur tangan British di Sungai Ujong kerana menggugat kedaulatan bangsa. Beliau bimbang British meluaskan kuasa ke wilayah di sekitarnya ☐
- Kewibawaan beliau tergugat selepas Sarikei diletakkan di bawah pentadbiran Brooke. Beliau mahu mengembalikan kuasa pembesar tempatan dengan menghalau Brooke ☐
- Beliau menentang tindakan SBUB mengambil alih hak memungut cukai sehingga pembesar tempatan kehilangan kuasa. Beliau juga telah dianggap sebagai ancaman kepada kepentingan SBUB oleh Gabenor Beaufort ☐
- Menentang bayaran 1/10 cukai hasil tahunan kepada British. Beliau mendakwa Naning ialah negeri yang merdeka ☐
- Beliau menentang pengenalan pentadbiran Barat di Terengganu serta menolak undang-undang tanah yang berlawanan dengan hukum syarak ☐
- Beliau memperjuangkan kedaulatan tanah air dan meneruskan perjuangan setelah kematian Mat Salleh ☐
- Menentang British kerana beliau hilang hak mengutip cukai serta pembinaan balai polis di wilayahnya tanpa pengetahuannya ☐
- Beliau menentang Residen British yang mengambil alih kuasa sultan. Beliau turut menentang pengambilan hak mengutip cukai dan tindakan Residen yang mencabuli adat resam orang Melayu ☐
- Beliau menentang kekerasan pentadbiran Encik Abdul Latiff, iaitu Ketua Jajahan Pasir Putih dan menentang peraturan cukai 1915 yang mewajibkan petani membayar cukai tanah ☐

CIKGU SHIDA, MES